



ALUNAN
— R E S O R T —

Laporan Berkala Program Terumbu



ALUNAN
CORAL PROJECT

Alunan Resort, Pulau Perhentian

September 2019


PERHENTIAN CORAL NURSERY


TRI-MONTHLY REPORT

PERKEMBANGAN PROJEK

Program restorasi yang bermula tahun 2018 di teruskan lebih aktif pada tahun 2019. Terkini, jumlah nubbin yang ditanam adalah sebanyak **447** nubbin. Kadar kemandirian setakat September 2019 adalah 90.2 peratus.

Karang yang diikat kepada pasu menunjukkan pertumbuhan seawal dua minggu dengan mengerak (*encrusting*) kearah permukaan pasu dan menutupi pengikat kabel. Pemerhatian yang sama dilihat bukan sahaja keatas karang berbentuk cabang, tetapi juga karang berbentuk masif dan berbentuk piring.





Sebahagian daripada gambar yang diambil di nursery sekitar Julai-September daripada karang jenis cabang, masif dan berbentuk meja

Selain menggalakkan pertumbuhan karang, organisma bentik turut dilihat mula menjadikan nursery di Alunan Resort sebagai habitat baru. Organisma yang dilihat mula bertapak termasuklah kima gergasi (*giant clam*), buran laut, timun laut serta lintah laut (*nudibranch*). Organisma-organisma ini mula melekat pada papak konkrit dan ruang kosong diantara pasu-pasu karang.



Antara organisma bentik yang mula menjadikan nursery Alunan sebagai habitat

Berdasarkan pemerhatian yang diperolehi, nurseri dilihat mampu menggalakkan lebih banyak lagi organisma bentik dan seterusnya menggalakkan hidupan marin yang lain untuk hidup dengan sendiri di nurseri.

Sepanjang tahun 2019, pelbagai agensi, syarikat serta institusi turut serta dalam program restorasi serta kesedaran yang dijalankan di Alunan Resort. Selain daripada tarikh-tarikh yang direkodkan dijadual dibawah, program restorasi dan kesedaran dijalankan sepenuhnya bersama tetamu dan staf resort.

| Tarikh | Sukarelawan |
|-----------------------|--|
| Mac 2019 | Perhentian Marine Research Station, Midwest Green |
| April 2019 | Universal Diver, SM Imtiyaz Besut |
| Jun 2019 | Seavoive Diver |
| Ogos 2019 | Perhentian Turtle Project, Universal Diver |
| September 2019 | Booking.com (Malaysia), UMW Toyota Sdn Bhd, Jabatan Perikanan Malaysia |

Penanaman karang akan diteruskan sehingga akhir Oktober dan pemantauan akan dijalankan bagi mengenalpasti dan mengatasi masalah (sekiranya ada) di kawasan nurseri semasa musim tengkujuh.

Pengurus *Alunan Coral Project*,

Pn. Aimi Osman

Alunan Resort

Saintis Pemantau,

Dr. Gerald Goeden

Blue Planet Environmental